



Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah menganjurkan Bengkel Teknik Menjawab Soalan Penilaian Akhir Kod Kursus ECO162 & ECO211 Semester Mac – Ogos 2021 pada 22 Januari 2021 iaitu hari Jumaat pada pukul 3.00 petang hingga 6.00 petang. Bengkel ini adalah kali ketiga diadakan bertujuan untuk membantu pelajar dari segi teknik menjawab soalan peperiksaan/ penilaian akhir untuk Kod Kursus ECO162 & ECO211. Program ini juga diadakan sebagai kelas ulangkaji untuk kod kursus ECO162 & ECO211.

Disamping itu, program ini juga dilaksanakan untuk meningkatkan semangat dikalangan pelajar untuk belajar bersungguh – sungguh bagi menghadapi peperiksaan yang akan datang dan seterusnya mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Peserta yang terlibat terdiri daripada semua pelajar Bahagian 2 & 3, Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pengajian Perbankan yang mengambil kursus ECO162 (Microeconomics) dan ECO211 (Macroeconomics).




POSTER PROGRAM

Bengkel ini telah diadakan secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Program ini dipimpin oleh Puan Sutina Binti Junos dan dibantu oleh beberapa orang ahli jawatankuasa di kalangan pensyarah unit ekonomi. Penceramah terdiri daripada 3 orang pensyarah ekonomi Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Rembau iaitu Encik Mohd Azlan bin Abdul Majid, Dr Asma' Rashidah binti Idris dan Puan Sutina binti Junos.

Sesi bengkel dan soal jawab di antara penceramah dengan para pelajar berjalan lancar, di mana para pelajar memberikan tumpuan sepenuhnya dan membuat semua latihan yang diberikan penceramah. Program berakhir dengan nasihat oleh penceramah supaya pelajar belajar dengan bersungguh – sungguh dan seterusnya dapat menjawab soalan ekonomi dengan baik. Semua pelajar berpendapat program ini hendaklah diadakan pada setiap semester kerana dengan adanya bengkel ini, mereka dapat mengulangkaji dan memahami teknik – teknik menjawab soalan utk kod kursus ECO162 dan ECO211 dengan lebih berkesan.

Secara amnya, program ini didapati berjalan dengan baik. Dari segi penambahbaikan, program ini dicadangkan untuk diadakan pada tempoh yang lebih lama agar dapat memberi input yang lebih kepada pelajar dan menggunakan platform atas talian yang lebih bersesuaian.



GAMBAR PROGRAM